

# KL tiada hasrat jadi

BH - 9 SEP 2002

PULAU PANGKOR, Ahad - Malaysia tidak bercadang menjadi pendamai bagi konflik di antara Amerika Syarikat (AS) dan Iraq seperti yang dilakukan di Myanmar sebelum ini kerana tugas itu terlalu besar untuk ditangani negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Hakikatnya, Amerika

Syarikat tidak wajar terus membangkitkan kemarahan dunia Islam kerana hampir semuanya tidak merestui serangan terhadap Iraq dan ini akan menjejaskan usaha sejagat memerangi keganasan.

"Malah negara Islam seperti Arab Saudi, Syria dan Mesir yang menyokong serangan terhadap Iraq ketika Perang Teluk pada

awal 1990'an kini terus terang tidak memberi sokongan yang sama," katanya pada sesi dialog dengan peserta pada hari terakhir Forum Kepemimpinan Global Asia, di sini hari ini.

AS dan sekutu akrabnya Britain, yang mengancam untuk menyerang Iraq dan menggulingkan Presiden Saddam Hussein menghantar 12 pesawat untuk me-

nyerang beberapa infrastruktur utama pertahanan udara Iraq di barat Baghdad Khamis lalu dan meningkatkan kemungkinan tercetusnya peperangan.

Dr Mahathir berkata AS dan Britain perlu berusaha mencari penyelesaian melalui kaedah aman dan tidak mencetuskan kemarahan umat Islam di seluruh dunia.

Beliau berkata semasa

## pendamai konflik: PM

AS mengetuai tentera berbilang negara di Perang Teluk untuk menyerang Iraq dalam usaha membebaskan Kuwait, banyak negara Asia Barat menyokong tindakan itu dan membenarkan penggunaan pangkalan masing-masing.

"Tetapi negara yang membenarkan pangkalan mereka digunakan dan bekerjasama dengan Amerika

kini membantah apa-apa tindakan untuk menyerang Iraq. Syria, Mesir, Arab Saudi walaupun tidak suka dengan Saddam tetapi mereka tidak mahu Iraq diserang," katanya.

Dr Mahathir berkata untuk memerangi keganasan, AS tidak harus mengeruhkan lagi keadaan melalui provokasi tetapi sebaliknya perlu mendengar pan-

dangan dunia, khususnya umat Islam.

Sementara itu, menjawab satu soalan mengenai cara Malaysia mengatasi masalah pendatang tanpa izin Indonesia, Perdana Menteri berkata negara tidak menghalang kemasukan mereka tetapi mahu memastikan tiada yang masuk secara haram kerana kerajaan mengakui bahawa

tenaga kerja mereka masih diperlukan, terutama dalam sektor pembinaan.

Katanya, kerajaan bukan saja mengenakan tindakan terhadap pendatang tanpa izin Indonesia saja, malah mereka dari Bangladesh dan Filipina tidak terkecuali.

Bagaimanapun, mereka boleh memasuki negara ini secara sah dengan mematuhi prosedur yang ditetapkan.